

**Abdullah Minta Semua Agama Elak Provokasi  
Bernama  
28 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Dunia Islam dan Kristian serta masyarakat lain tidak boleh membiarkan wujudnya satu jurang antara mereka semata-mata atas alasan memperjuangkan kebebasan bersuara, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata mereka perlu tahu ruang yang boleh mereka gunakan sebagai panduan untuk bercakap dengan berhemah dan bertanggungjawab.

Berucap pada forum antara agama mengenai "Pentingnya Dialog Islam-Kristian" di Universiti Islam Antarabangsa di sini Rabu, Abdullah berkata sikap bertanggungjawab terhadap satu tamadun kemanusiaan bersama memerlukan seseorang itu menghargai kewujudan dan hak pihak lain untuk hidup secara aman.

"Kita harus mengelak tindakan provokasi, umpamanya dengan membuat pihak lain menjadi lebih ganas dan memberi ruang kepada musuh kemanusiaan menyebarkan kemarahan dan keganasan," katanya.

Abdullah, yang juga Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berkata Islam sentiasa mengamalkan hubungan yang baik dengan agama utama yang lain khususnya Kristian berlandaskan matlamat untuk menikmati keamanan.

Katanya Islam dan Kristian masing-masing mempunyai sejarah dan tamadun yang gemilang yang membolehkan kedua-duanya saling membantu dalam pelbagai bidang yang penting kepada masyarakat.

"Saya yakin terdapat potensi yang besar untuk bekerjasama demi masa depan kita," katanya.

Abdullah berkata bahawa dunia hari ini sudah bosan dengan peperangan dan konflik serta tidak mahu berterusan berdepan dengan keganasan dan konfrontasi.

"Kita sedang hidup dalam satu tempoh sensitif, di mana senjata pemusnah besar-besaran, pemanasan global, kemarau, banjir, jaminan makanan dan kebuluran menjadi cabaran serius kepada manusia.

"Ancaman-ancaman ini melibatkan kita semua tanpa mengira agama, kaum dan tempat. Ia hanya dapat dikurangkan jika terdapat pendirian bersama bahawa semua itu adalah ancaman kepada kita bersama," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616374>